



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 1 DISEMBER 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SELESAI SEGERA ISU ORANG TENGAH, NASIONAL, SH -12	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	WASPADA SERANGAN ULA BULU HITAM, NASIONAL, SH -12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	LELAKI BAWA DAGING BABI SEJUK BEKU DALM KERETA DARI SINGAPURA DITAHAN, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	ISU BENIH PADI TERUS BELANGGU PETANI, NEGARA, KOSMO -15	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	KADA BANTU PESAWAH RUGI, NEGERI KELANTAN, SH -26	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
6.	LKIM DIGESA ATASI JURANG HARGA IKAN DI LUAR BANDAR DAN BANDAR, LOKAL, HM -7	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7. 8.	ISU 'ALIBABA', PETANI BAYAR SEWA RM12,000, NEGARA, KOSMO -15 SABAH PERLU RM10 BILION TINGKAT SSL BERAS, DALAM NEGERI, UM -34	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Selesai segera isu orang tengah

Masalah rantaian bekalan antara faktor harga tinggi terutama di bandar

Oleh FARAH SHAZWANI
ALI KEMAMAN

Isu berkaitan orang tengah perlu diselesaikan segera bagi memastikan harga hasil tangkapan laut lebih setimpal kepada pembeli.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, bagea Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) perlu memantapkan peranan kerana masalah rantaian bekalan adalah antara faktor penyumbang harga tinggi di pasaran terutama di bandar.

"Kita dapat ada jurang harga begitu ketara. Bila murah di sini (pantai), jangan kita merasa seronok sebab nelayan tidak mendapat harga yang sepatutnya.

"Tiga kilogram boleh dapat pada harga RM10 tapi kalau pasar di Lembah Klang, ikan sekilo RM13. Di sini, saya nampak peranan orang tengah masih kuat.

"Kita harap LKIM dan Nekmat main peranan untuk memastikan harga yang dijual di pantai ini, lebih setimpal dengan harga di-



Mohamad (kanan) menunjukkan hasil tangkapan nelayan di Kompleks LKIM Kuala Kemaman pada khamis.

beli pengguna di bandar," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyisytakan program Santai Madani Bersama Nelayan di Kompleks Perikanan LKIM Kuala Kemaman pada Khamis.

Program santai bersama lebih 200 nelayan itu dibuat bagi mendekati golongan sasar dan serota mendapat pandangan kenaa dalam memperkasakan lagi industri perikanan negara.

Sementara itu, Mohamad menambah, sebanyak 500 rumah nelayan yang daif di seluruh negara akan dibaik pulih, dengan peruntukan sebanyak RM10 juta

pada tahun ini.

Jelasnya, ia bagi memberi keselesaan kepada nelayan terlibat tinggal di kediaman yang lebih baik.

"Kalau lihat kepada per-kampungan nelayan, kita dapat rasakan ekonomi mereka di tahap yang agak rendah.

"Rumah mereka sama ada dibuat secara bersendirian atau pun dibeli, kita nampak ia memerlukan penambahbaikan.

"Sabab itu kita peruntukkan untuk membeli rumah nelayan sebanyak RM10 juta, namun sebenarnya bagi saya jumlah itu masih belum mencukupi. Buat masa ini, kita melihat mana yang perlu didahulukan," ujarnya.

Waspada serangan ulat bulu hitam



Ulat bulu hitam dikesan menyerang tanaman di Tebingau, Kedah.



Rama-rama jati menjadi serangga perosak utama pokok jati dan lebih 45 jenis tumbuhan.

PUTRAJAYA - Orang ramai dinasihatkan berwaspada terhadap ancaman ulat bulu hitam atau rama-rama jati yang dikesan menyerang tanaman di Tebingau, Kedah.

Menurut Jabatan Pertanian Malaysia, serkiranya masih berterusan, orang ramai hendaklah merujuk jabatan bertanggungjawab.

"Serangan ini pernah berlaku dan berulang di kawasan sama pada 27 November 2016.

"Keadaan ini mengakibatkan radang pada kulit sekiranya berlaku sentuhan atau terkena cecair ulat berkenaan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Jabatan itu berkata, dianggarkan 20 hektar kawasan diserang ulat bulu hitam.

"Merujuk data diambil daripada serangan lalu, ulat ini dikenali sebagai *hyblaea puera* (carmer, 1777) daripada order *lepidoptera* dan keluarga *hyblaeidae* atau nama biasanya rama-rama jati (*teak defoliator*).

"Serangga ini berlaku di kawasan tropika dan hidup secara semula jadi di kawasan hutan dan paya bakau," katanya.

Tambahnya, kitaran hidup rama-rama jati mengambil masa antara 18 hingga 36 hari lalu daripada peringkat telur hingga dewasa bergantung

kepada keadaan cuaca dan kedapatan sumber makanan.

"Ulat bulu hitam atau rama-rama jati ini adalah serangga perosak utama pokok jati dan perosak kepada lebih 45 jenis tumbuhan kebanyakannya adalah pokok hutan atau paya bakau termasuk pokok api-api (*avicennia spp*) yang terdapat di pesisir laut berhampiran kampung berkenaan," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan penduduk Kampung Jalan Kuala Kedah, resah dengan kehadiran ribuan ulat bulu yang muncul di sepanjang pesisir pantai sejak Selasa lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2023	KOSMO	NEGARA	16



ANGGOTA Maqis menemui daging babi dan daging lembu tanpa dokumen sah yang dirampas dalam sebuah kereta di CIQ BSI, Johor Bahru kelmarin.

Lelaki bawa daging babi sejuk beku dalam kereta dari Singapura ditahan

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas daging babi sejuk beku seberat 120 kilogram (kg) dan 10 kg daging lembu bernilai RM2,000 di Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, di sini kelmarin.

Menurut Pengarah Maqis Negeri Johor, Edie Putra Md. Yusof, rampasan dibuat hasil pemeriksaan yang dijalankan ke atas sebuah kereta pendaftaran asing pada pukul 7.30 petang dari Singapura.

Beliau berkata, pemeriksaan

mendapati kotak berisi daging babi dan daging lembu yang cuba dibawa masuk tanpa sebarang dokumen yang sah.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati daging babi dan lembu tersebut dibawa masuk tanpa permit import Maqis serta sijil kesihatan dan ia telah ditahan untuk tindakan lanjut.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import Maqis adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011

[Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama," katanya ketika dihubungi semalam.

Edie Putra memberitahu, pemandu lelaki berusia 36 tahun yang membawa muatan tersebut dilepaskan setelah diambil keterangan.

Jelasnya, pihak Maqis akan sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikro-organisma yang dibawa masuk ke dalam negara adalah bebas daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2023	KOSMO	NEGARA	15

Kerajaan digesa beri kuota tambahan kepada GLC terbabit dengan pertanian

Isu benih padi terus belenggu petani

SIDANG DUN KEDAH



Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

ALOR SETAR – Masalah yang berlaku dalam industri padi negara termasuk 'kehilangan' beras putih tempatan bukan berpunca daripada sikap petani, sebaliknya disebabkan oleh sistem sedia ada yang tidak efisien.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan, Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab. Ghani berkata, antara masalah terbesar yang membawa kepada perkara itu adalah sistem kuota perbekalan benih padi.

Sebagai contoh katanya, hanya empat pengilang sahaja yang dibenarkan untuk membekalkan benih padi di Kedah dan Perlis dengan salah satu daripadanya adalah Syarikat Perniagaan Peladang MADA Sdn. Bhd. (MADACorp).

"Cuma satu saja syarikat milik kerajaan (GLC) iaitu MADACorp,



GOLONGAN petani amat memerlukan bekalan benih padi dibuat secara lebih efisien bagi membolehkan mereka meningkatkan hasil. – GAMBAR HIASAN

manakala tiga yang lain adalah pengilang swasta. Begitulah senarinya sekarang dan GLC itu pula mendapat kuota paling sedikit bagi membekalkan benih padi kepada petani.

"MADACorp itu dahulu namanya Syarikat Perniagaan

Peladang MADA (SPPM) yang membawa maksud, ia dimiliki oleh petani dan pesawah. Mana mungkin sebuah GLC kerajaan mewakili petani dan pesawah diberikan kuota paling sedikit," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di

sini semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Khairul Anuar Ramli (**PN-Lunas**) yang bertanyakan mengenai masalah kenaikan harga beras sebelum ini.

Menurutnya, sistem yang di-

guna pakai itu dilihat tidak dapat membantu menyelesaikan masalah perbekalan benih padi.

"Bayangkanlah puluhan ribu pesawah di Kedah, Perlis dan Seberang Perai Utara di Pulau Pinang kena cari benih daripada empat pengilang ini sahaja dengan GLC itu pula mendapat kuota paling sedikit, jadi bagaimana sistem sebegini boleh membantu menyelesaikan masalah?" ujarnya.

Mengulas lanjut, Dzowahir berkata, keadaan itu menyebabkan petani terus hidup dalam keadaan susah sejak merdeka walaupun mereka bukanlah terdiri daripada golongan malas.

"Ini antara perkara yang perlu disemak dan dikaji semula oleh pihak berkaitan. Di pihak kerajaan negeri, kita sudah menyatakan hal ini kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam Mesyuarat Exco-Exco Pertanian dengan menteri sebelum ini.

"Kita minta supaya sistem kuota ini dibuka seluas-luasnya dan kuota kepada GLC ditambah mengikut kadar sepatutnya.

Jika perkara ini tidak diubah dan sistem sedia ada dikembalikan, sukar untuk kita membendung masalah yang berlaku," katanya.

Isu 'alibaba', petani bayar sewa RM12,000

SIDANG DUN MELAKA



DR. MUHAMAD AKMAL

MELAKA – Kerajaan negeri menerima rungutan daripada para petani yang mendakwa terpaksa membayar sewa sehingga RM12,000 untuk musim penanaman yang disyaki melibatkan amalan 'alibaba' bagi projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, jumlah itu jauh lebih tinggi berbanding sewa yang dikenakan Jabatan Pertanian Daerah iaitu RM1,500 setahun.

"Kita sedang mengesan pengusaha terlibat dengan kegiatan itu dan tindakan tegas akan diambil jika didapati melanggar polisi ditetapkan.

"Setakat ini, terdapat tiga

TKPM iaitu di Selandar, Pulau Gadong dan yang terbaharu di Machap bagi memastikan keterjaminan makanan dan kebajikan rakyat.

"Saya terima banyak aduan berlaku kegiatan 'alibaba' terhadap projek TKPM dan ia dibincangkan dengan Ketua Menteri (Datuk Seri Ab. Rauf Yusoh) untuk tindakan segera diambil," katanya ketika sesi Pertanyaan-Pertanyaan Lisan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2023	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	26

KADA bantu pesawah rugi

TUMPAT - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) memperuntukkan lebih RM30,000 bagi membantu 20 pesawah yang rugi akibat padi ditenggelami banjir di kawasan Tok Chong, Bendang Simpangan dan Bendang Pisau Raut di sini.

Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa berkata, langkah segera itu diambil atas keperihatinan pihaknya dalam membantu pesawah yang terjejas.

“Saya membuat tinjauan ke kawasan terbabit dan akan mengambil langkah segera dengan membuat kerja-kerja baik pulih pintu kawalan saluran.

“Kerja-kerja berkaitan di Bendang Tok Chong, Bendang Pisau Raut dan dan Bendang Pak Yong ini dianggarkan

menelan belanja hampir RM20,000,” katanya kepada pemberita di sini pada Khamis.

Selain itu, beliau berkata, KADA juga akan membina lintasan jentera dan kerja-kerja berkaitan di saluran bendang Kubang Gajah, Jejuluk yang dianggarkan berjumlah RM12,000.

“Seterusnya, pihak kami akan menjalankan kerja mengorek tanah yang menghalang laluan air di saluran bendang Simpangan,” ujarnya.

Pada 25 November lalu, *Sinar Harian* melaporkan lebih 20 pesawah mengalami kerugian dianggarkan sebanyak RM120,000 selepas 30 hektar padi ditenggelami banjir setinggi 0.5 meter kerana hujan sejak seminggu lalu.



Mohd Faizul (dua dari kiri) membuat tinjauan ke lokasi tanaman padi yang terjejas di Tumpat pada Khamis.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2023	HARIAN METRO	LOKAL	17

LKIM digesa atasi jurang harga ikan di luar bandar dan bandar

Chukai: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menggesa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Peratuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) mengatasi masalah jurang harga ikan di kawasan luar bandar dan bandar.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, isu orang tengah masih berleluasa hingga menjadi punca jurang harga yang amat ketara.

Beliau menegaskan, walaupun harga ikan dapat dikurangkan kelak, namun nelayan seharusnya men-

dapat harga setimpal dengan hasil diusahakan.

“Apa yang saya lihat tadi, harga ikan kerisi di sini dijual RM10 untuk tiga kilogram, berbanding di kawasan bandar contohnya di Pasar Taman Tun Dr Ismail, harga dijual adalah sekitar RM12 untuk satu kilogram ikan berkenaan.

“Ertinya di sini, peranan orang tengah masih lagi kuat. Jadi kita harap LKIM dan Nekmat dapat memainkan fungsi masing-masing.

“Mungkin pihak berkaitan boleh bincang, sama

ada sediakan lori untuk penghantaran di kawasan bandar. Kita ada keperluan pengangkutan dan penambahan peruntukan, saya akan berbincang dengan Kementerian Kewangan,” katanya selepas mengadakan Program Santai bersama nelayan, di LKIM Kemaman di sini, semalam.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, pihak berkaitan juga perlu adil dan tidak memberi tekanan kepada nelayan hanya semata-mata untuk mendapatkan harga murah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/12/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Sabah perlu RM10 bilion tingkat SSL beras

KOTA KINABALU: Sabah memerlukan sejumlah RM10 bilion bagi menambah pengeluaran hasil padi untuk membolehkan tahap sara diri (SSL) beras di negeri ini meningkat kepada 60 peratus.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan berkata, peruntukan yang besar itu perlu bagi penyediaan mesin pembajak dan jentuai, pembangunan infrastruktur serta subsidi bajak.

Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan itu berkata, berdasarkan anggaran yang dilakukan, sejumlah RM33 juta diperlukan untuk mesin pembajak dan jentuai; RM1.2 juta diperlukan bagi pembangunan infrastruktur, RM4.6 juta bagi subsidi bajak, input dan jualan serta RM4.18 juta bagi pembukaan Semenanjung Dent.

Beliau berkata demikian dalam ucapan penggulungan Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, hari ini.

Jeffrey berkata, pihaknya juga komited meneruskan inisiatif meningkatkan pengeluaran padi dengan memperkasakan program sedia ada seperti program Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan subsidi penjualan padi oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas).